



26 Julai 2021  
26 July 2021  
P.U. (A) 316

# WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

## *FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE*

### PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PENGECCUALIAN LEVI) (NO. 4) 2021

#### *PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (EXEMPTION OF LEVY) (NO. 4) ORDER 2021*

DISIARKAN OLEH/  
*PUBLISHED BY*  
JABATAN PEGUAM NEGARA/  
*ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS*

AKTA PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD 2001

PERINTAH PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD  
(PENGECUALIAN LEVI) (NO. 4) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 19 Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001 [*Akta 612*], Menteri membuat perintah yang berikut:

**Nama dan permulaan kuat kuasa**

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pembangunan Sumber Manusia Berhad (Pengecualian Levi) (No. 4) 2021**.

(2) Perintah ini berkuat kuasa bagi tempoh mulai 1 Januari 2021 hingga 30 Jun 2021.

**Pengecualian levi**

2. (1) Menteri mengecualikan mana-mana majikan yang Akta ini terpakai baginya dan yang berdaftar dengan Perbadanan yang terjejas dengan pandemik Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) daripada membayar apa-apa levi yang dinyatakan di bawah seksyen 14 dan 15 Akta berkenaan dengan setiap pekerjanya.

(2) Pengecualian levi di bawah subperenggan (1) adalah tertakluk kepada syarat yang berikut:

- (a) permohonan bagi pengecualian itu dibuat oleh majikan kepada dan diterima oleh, Perbadanan sebelum 5 Mac 2021; dan
- (b) majikan itu telah menanggung pengurangan dalam keuntungan tahunan lebih daripada tiga puluh peratus berdasarkan penyata kewangan atau laporan kewangan yang terkini dan yang diperaku; atau